

The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1997



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Sanib Said. (1997). Melayu dalam Sejarah Sarawak: Iktibar untuk Pembangunan Masa Kini dan Masa Depan. The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 1-17

MELAYU DALAM SEJARAH SARAWAK: IKTIBAR UNTUK PEMBANGUNAN MASA KINI DAN MASA DEPAN

Sanib Said

“...Suara-suara mengenai ketunduran bangsa Melayu pada tahun-tahun 1950an sudah lama dilayangkan oleh Fajar Sarawak pada tahun 1930. ... sekarang hampir 40 tahun kemudian, kita masih mendengar rintihan yang sama. Mungkin bangsa Melayu Sarawak akan terus menyanyi lagu sedih mengenai Sungai Sarawak yang sempit dan kali ini nakhoda mungkin juga terjatuh dan dimakan buaya si Bujang Senang.

Atau disambar oleh burung kenyalang. Wallahualam.”

ABSTRACT

Begitulah ayat-ayat terakhir kertas kerja yang saya bentangkan lima tahun lalu di Seminar Budaya Melayu yang pertama pada tahun 1988. Apakah kini bangsa Melayu tidak lagi merintih seperti dulu? Jawabnya, Insya-Allah akan diberikan oleh Seminar Budaya Melayu Kedua ini dengan sumbangan positif para pembentang lain bersama para peserta.

Kertas kerja ini akan cuba menggalurkan bangsa Melayu dalam sejarah Sarawak secara umum dan cuba mempelajari daripada sejarahmasa silam itu untuk membangunkan semula bangsa Melayu dan untuk merancang masa depan bangsa Melayu di negeri Sarawak. Soalnya “tepuk dada tanya selera”. Kitab suci *Al-Quran* telah lama mengajar supaya kita belajar daripada kisah-kisah berbagai kaum seperti kisah kaum Tsamud, Aad, kaum Nabi Lut dsbnya, telah dilenyapkan oleh Allah SWT.

MELAYU DALAM SEJARAH SARAWAK: IKTIBAR UNTUK PEMBANGUNAN MASA KINI DAN MASA DEPAN

oleh

Sanib Said

“... Suara-suara mengenai kemunduran bangsa Melayu pada tahun-tahun 1950an sudah lama dilaungkan oleh *Fajar Sarawak* pada tahun 1930. ... sekarang hampir 40 tahun kemudian, kita masih mendengar rintihan yang sama. Mungkin bangsa Melayu Sarawak akan terus menyanyi lagu sedih mengenai Sungai Sarawak yang sempit dan kali ini nakhoda mungkin juga terjatuh dan dimakan buaya si *Bujang Senang*. Atau disambar oleh *burung kenyalang*. Wallahualam.”

PENGENALAN

Begitulah ayat-ayat terakhir kertas kerja yang saya bantangkan lima tahun lalu di Seminar Budaya Melayu yang pertama pada tahun 1988. Apakah kini bangsa Melayu tidak lagi merintih seperti dulu? Jawabnya, Insyallah akan diberikan oleh Seminar Budaya Melayu Kedua ini dengan sumbangan positif para pembentang lain bersama para peserta.

Kertas kerja ini akan cuba menggalurkan bangsa Melayu dalam sejarah Sarawak secara umum dan cuba mempelajari daripada sejarah masa silam itu untuk membangunkan semula bangsa Melayu dan untuk merancang masa depan bangsa Melayu di negeri Sarawak. Soalnya “tepek dada tanya selera”. Kitab suci *Al-Quran* telah lama mengajar supaya kita belajar daripada kisah-kisah berbagai kaum seperti kisah kaum Tsamud, Aad, kaum Nabi Lut dsbnya, telah dilenyapkan oleh Allah SWT.

Sejarah sebagai ilmu bukanlah sekadar cerita lama yang harus dikenang untuk disesali atau dipuja tetapi untuk dijadikan iktibar masa kini dan masa depan. Anwar Ibrahim pernah berkata “*Today, Muslims take pride in their history. However, this pride is more appropriately termed nostalgia, an apologetic, defensive yearning after glories that are gone.*”¹ Sejarah sebagai ilmu tidak boleh dilihat sebagai nostalgia sebaliknya digunakan untuk dijadikan iktibar, tauladan dan sempadan, pendorong, memori kelompok dan *cultural anchorage* bangsa Melayu Sarawak.

Walaupun sejarah merupakan kajian masa silam tetapi sebagai ilmu ia berguna untuk masa kini dan masa depan. Ziauddin Sadar, “*The future is a*

function of the past as well as the present."² Atau dalam lain perkataan bahawa masa depan adalah fungsi sejarah/masa silam dan masa sekarang. Sejarah adalah kajian masa silam untuk memahami masa sekarang untuk merancang masa depan.

Berdasarkan kepada kegunaan ilmu sejarah, maka bangsa Melayu di Sarawak ini boleh memanfaatkan apa juga pengalaman sejarah bangsa Melayu di Sarawak untuk menangani masa sekarang dan merancang masa depan. Oleh yang demikian bolehlah kita mengelakkan apa jua kesilapan yang lalu dan mencari iktibar untuk masa depan. Untuk menggalurkan semua aspek bangsa Melayu dalam sejarah Sarawak dari awal hingga kini begitu luas dan terlalu besar untuk tujuan seminar ini, maka kertas kerja ini hanya akan menumpukan perhatian kepada lima aspek yang penulis anggap penting untuk dijadikan iktibar.

Ketuanan Melayu dan Memori Bangsa

Di dalam zaman primitif manusia telah mencipta dongeng, mitos dan lagenda mengenai asal-usul kelompoknya semata-mata untuk menanam perasaan kekitaan dan untuk membezakan kelompok tersebut dari kelompok yang lain. Perasaan kekitaan ini hanya dapat disemai dengan berkesan jika kelompok itu mempunyai satu memori yang sama dan kebudayaan yang seragam. Biasanya lebih tua memori itu lebih bagus.

Bangsa Melayu Sarawak mempunyai sejarah yang tua. Kisah Datuk Merpati memulakan sejarah bangsa Melayu di lembah Sungai Sarawak dengan menubuhkan sebuah kerajaan di Pasir Kuning iaitu Santubong.³ Kisah Datuk Merpati mungkin boleh dipertikaikan tetapi Santubong mengandungi bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa Santubong adalah sebuah kota-pelabuhan penting sejak abad ketujuh lagi.⁴ Kajian arkeologi menunjukkan sudah wujud kerajaan tua Melayu di Sarawak. Begitu juga halnya di Samarahan, Kalaka dan Sadong sudah ada kerajaan tua Melayu.⁵ Selepas itu semua kerajaan tua ini telah jatuh ke tangan Kesultanan Melayu Brunei seperti yang diceritakan di dalam *Syair Awang Samaun* dan *Silsilah Raja-Raja Brunei*.⁶ Di bawah sistem pentadbiran Kesultanan Brunei, lembah Sungai Sarawak telah diberi sedikit kuasa otonomi di mana pembesar tempatan Melayu, iaitu Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggong. Pada awal abad ke-17 Sarawak menjadi sebuah negeri berdaulat apabila Sultan Brunei melantik adindanya Pengiran Tengah menjadi Sultan Sarawak Darul Hana. Bagaimanapun setelah mengembara ke Johor dan menjadi Sultan Sambas, baginda telah mangkat kerana diaruk oleh ulunya dan dimakamkan di Santubong.⁷ Kuasa politik pembesar Melayu Sarawak beransur-ansur hilang semasa pemerintah Brooke dan hampir pupus semasa pemerintahan Kolonial British.⁸